

**Jangan gadai masa depan – Najib
Utusan Online
18 Mac, 2012**

BERUAS 17 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan rakyat agar tidak menggadaikan masa depan mereka dengan memilih pakatan pembangkang.

Ini kerana menurut Perdana Menteri, pembangkang hanya pandai melemparkan tohmahan dan cercaan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang sudah terbukti mampu mentadbir negara dengan cekap dan berkesan.

Beliau berkata, pembangkang cuba memanipulasi segala inisiatif dan bantuan kerajaan kepada rakyat terutama sejak tiga tahun kebelakangan ini termasuk membuat tohmahan kononnya ia dilakukan untuk memancing undi.

“Segala inisiatif kerajaan termasuk Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah hasil kecekapan pentadbiran kerajaan dalam meningkatkan hasil dan kekayaan ekonomi negara untuk dikembalikan semula kepada rakyat.

“Kalau bab-bab pembangkang ni, tidak boleh pakai kerana mereka tidak mempunyai kemampuan mengurus tadbir negara dengan baik. Sehari dua ni pun dah nampak bercelaru, jadi kalau mereka datang pun, kita masuk telinga kanan, keluar telinga kiri.

“Jangan gadai masa depan kita yang sudah terjamin di bawah kerajaan Barisan Nasional. Rakyat sudah dapat macam-macam dalam tiga tahun ini, bayangkan kalau kita dapat (mandat) lima tahun lagi. Sudah tentu banyak lagi yang kita akan lakukan untuk mendahulukan rakyat,” katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada majlis Sepagi Bersama Perdana Menteri yang turut dihadiri isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor di padang Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changkat di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Chang Ko Youn; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Baru, Datuk Hamdi Abu Bakar; Ketua UMNO Bahagian Beruas, Datuk Abdul Manaf Hashim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Puhat Mat Nayan.

Pada majlis tersebut, Najib turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM6 juta iaitu masing-masing RM2 juta bagi Masjid Changkat Cermin, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Tit Bin, Pantai Remis serta Dewan Masyarakat India Beruas.

Selain itu, beliau turut menyampaikan sumbangan termasuk kerusi roda kepada 12 penerima orang kurang upaya (OKU) dan golongan kurang berkemampuan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, pemberian pelbagai bantuan kepada rakyat tidak sama sekali menambah hutang negara, malah ia dapat dikurangkan melalui peningkatan hasil ekonomi negara selain urus tadbir yang cekap.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0318&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm